



## KENYATAAN SEBUT HARGA

1) Penyebut harga adalah dipelawa seperti yang berikut:-

Tajuk/Butiran Sebut Harga	Kelayakan Penyebut Harga	Harga Dokumen	Tarikh Tutup
Perkhidmatan Penyelenggaraan Sistem Penghawa Dingin Berpusat (Centralized) Jenis <i>Water Cooled Package Unit</i> (WCPU), <i>Individu Unit</i> (ACSU) dan Menara Pendingin (Cooling Tower) untuk Tempoh Satu (1) Tahun di No. 128, Menara JKP, Jalan Macalister, 10400 Pulau Pinang Untuk Tetuan JKP Sdn. Bhd.  Dokumen Sebut Harga: JKP/Q/HARTA/2022/04	a. Berdaftar SSM b. Berdaftar CIDB Gred <b>G1</b> Pengkhususan <b>M01</b> - Sistem Hawa Dingin dan Pengedaran Udara c. Mempunyai Sijil SPKK d. Mempunyai Sijil Taraf Bumiputera	<b>RM20.00</b> Boleh dibeli pada tarikh seperti berikut: <b>28hb. Januari, 2022</b> sehingga <b>07hb. Februari, 2022</b>	<b>08hb. Februari, 2022</b> Sebut harga yang diterima selepas 12:00 tengah hari tidak akan dipertimbangkan

2) Penyebut Harga yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri lawatan premis/tapak seperti berikut:-

Tarikh : **03hb. Februari, 2022 (Khamis)**  
Masa : **02.30 petang**  
Tempat : **Tingkat 21, Menara JKP,  
No. 128, Jalan Macalister,  
10400 Pulau Pinang**

3) Dokumen Sebut Harga boleh didapati di:-

**Bahagian Kontrak  
JKP Sdn. Bhd.  
Tingkat 14, Menara JKP,  
No. 128, Jalan Macalister,  
10400 Pulau Pinang.**

pada waktu berikut:-

**Isnin - Khamis : 8.30 pg - 1.00 ptg  
: 2.00 ptg - 5.00 ptg  
Jumaat : 8.30 pg - 12.15 tgh  
: 2.45 ptg - 5.00 ptg**

4) Penyebut Harga mesti membawa salinan **ASAL (ORIGINAL) Pendaftaran Syarikat SSM, Perakuan Pendaftaran Kontraktor CIDB, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera yang lengkap dan masih dalam tempoh sahlaku** serta sesalinan untuk simpanan Pejabat JKP Sdn. Bhd. bagi mendapatkan Dokumen Sebut Harga.

5) Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk *Money Order / Postal Order* atas nama "**JKP Sdn. Bhd.**". Pembayaran secara wang tunai tidak akan diterima. Bayaran dokumen sebut harga tidak akan dikembalikan kepada penyebut harga.

6) Penyebut harga mesti mengemukakan **sesalinan Pendaftaran Syarikat SSM, Perakuan Pendaftaran Kontraktor CIDB, SPKK dan Sijil Taraf Bumiputera yang masih dalam tempoh sahlaku, Profil Syarikat berserta Penyata Bank tiga (3) bulan terkini** ketika menghantar Dokumen Sebut Harga.

7) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam dua sampul surat **berlakri (sealed) BERASINGAN** dan bertanda **Nombor Sampul, Bilangan Sebut Harga JKP/Q/HARTA/2022/04** serta **Tajuk Sebut Harga**.

8) Dokumen Sebut Harga yang telah siap hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga di Tingkat 14, Menara JKP atau secara pos ke Bahagian Kontrak, JKP Sdn. Bhd., Tingkat 14, Menara JKP, Jalan Macalister, 10400 Pulau Pinang** pada tarikh dan waktu yang dinyatakan dalam jadual. Serahan secara e-mel adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

9) Pihak JKP Sdn. Bhd. tidak terikat untuk menerima tawaran sebut harga terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu sebut harga itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.